

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4 (9)

26 Mei 2016
19 Syaaban 1437

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 11/2016

PENJENAMAAN NAMA UNIT PERHUBUNGAN ALUMNI KEPADA *UTMAlumni*

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 8/2016 bertarikh 18 April 2016 telah bersetuju menjenamakan semula nama Unit Perhubungan Alumni (UPA) kepada *UTMAlumni*.

2. Tujuan penjenamaan nama ini adalah untuk memperkasa fungsi dan jenama unit di peringkat nasional dan antarabangsa sejajar dengan peranan sebagai unit penghubung bagi menjalinkan hubungan secara rasmi dan berterusan dalam bentuk sosial dan profesional diantara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Alumni UTM.


3. Untuk makluman juga, semua nama dalam struktur organisasi *UTMAlumni* selepas ini akan bermula dengan perkataan *UTMAlumni*. Sebagai contoh – alumni sektor negeri akan dikenali sebagai *UTMAlumni* Johor, kumpulan 'Special Interest Group' (SIG) dijenamakan sebagai "UTMAlumni Tech 70" dan di luar negara dijenamakan sebagai *UTMAlumni* Padang.

4. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum mengenai perubahan ini dan segala urusan berkaitan unit ini hendaklah mengambil kira perubahan yang telah dilakukan berkuat kuasa serta-merta.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"Berkhidmat untuk Negara kerana Allah"

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Datuk Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Bendahari
 - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

No. Siri Dokumen: 2016052681